

POINTERS UCAPAN

YB DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOF
TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

PROGRAM TURUN PADANG KPWKM EDISI NEGERI SABAH

19 SEPTEMBER 2020 (SABTU)
11.00 PAGI – 1.00 PETANG

PROGRAM RAMAH MESRA BERSAMA KUMPULAN SASAR KPWKM
PUSAT PEMULIHAN DALAM KOMUNITI (PDK) INDAH JAYA, SANDAKAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

dan Salam Sejahtera

SALUTASI (*akan diberikan semasa program*)

PENDAHULUAN

1. Kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wataa'la kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya, diberi ruang dan peluang untuk bersama dalam **Program Ramah Mesra Bersama Kumpulan Sasar KPWKM, Indah Jaya, Sandakan** sebagai salah satu aktiviti dalam **Program Turun Padang (PTP) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) Edisi Negeri Sabah** pada hari ini.

2. Terima kasih kepada **pegawai-pegawai:**

- KPWKM (JKM, LPPKN, JPW) dari Putrajaya dan Sabah.

3. Pelaksanaan PTP di **Sabah:**

- Bermula pada 19 hingga 20 September 2020 (Sabtu-Ahad).
- Sandakan – Kota Kinabalu- Kota Marudu - Pitas
- Ziarah Kasih;
 - Sumbangan Bakul Makanan;
 - Penelitian keperluan lain (kediaman, makanan, perlindungan dan bantuan kebajikan).
- Sesi bertemu kumpulan sasaran (ibu tunggal, OKU, Warga Emas, Keluarga, penerima bantuan serta Ketua Masyarakat dan Ketua Kaum).

4. **Tujuan PTP:**

- Mendengar keperluan dan permasalahan rakyat.
- Menyampaikan penerangan berhubung perkhidmatan dan inisiatif di bawah KPWKM supaya lebih difahami oleh rakyat.
- Ketua Masyarakat dan Ketua Kaum serta NGO sebagai tangan dan telinga Kementerian dalam menyampaikan penerangan dan bimbingan kepada rakyat.
- Memudahkan urusan rakyat dalam membuat permohonan seperti Bantuan Kebajikan dan Bantuan Khas Ibu Tunggal (BKIT).

5. Sebentar tadi baru sahaja diadakan '**Ziarah Kasih**' di **Kampung Sim-Sim Sandakan** iaitu lawatan ke rumah-rumah klien Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk melihat keadaan mereka dan menyampaikan bantuan yang bersesuaian daripada JKMs. Selepas program ini, akan ke Kota Kinabalu pula untuk Program Ziarah Kasih di sana.
6. **Terima kasih atas penyediaan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) ini** sebagai lokasi pertemuan kita pada hari ini untuk lebih mendekati kumpulan sasar Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), khususnya pelatih PDK dan juga peserta Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE).

PDK

7. Sebanyak 38 buah PDK telah diwujudkan di Sabah dengan seramai 2,171 Pelatih di bawah peruntukan sebanyak RM7.6 juta.
8. Fungsi PDK:
 - **Menggalakkan sikap prihatin**, berdikari dan rasa tanggungjawab masyarakat tempatan dalam program pemulihan orang kurang upaya (OKU).
 - Menggembleng **sumber tempatan untuk pemulihan OKU** melalui penggunaan cara yang mudah dan teknik yang diterima, murah, efektif dan sesuai dengan keadaan setempat; serta

- Menggunakan **infrastruktur organisasi tempatan** yang sedia ada untuk memberi perkhidmatan.
9. Menggalakkan lebih banyak **kerjasama antara komuniti dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat** untuk pembangunan OKU – dengan pewujudan PDK.
 10. Di peringkat Persekutuan, terdapat **Majlis Kebangsaan Bagi OKU yang dipengerusikan** oleh YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
 11. Sokongan Kerajaan kepada OKU menerusi **bantuan khas RM300 di bawah PENJANA** yang memanfaatkan 190,000 OKU dalam kategori:
 - Penerima Bantuan Elaun Pekerja Cacat (EPC);
 - Bantuan Orang Kurang Upaya Tidak Berupaya Bekerja (BTB); dan
 - Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/Pesakit Kronik Terlantar (BPT).
 12. Jumlah **OKU berdaftar dengan JKM** (sehingga Julai 2020) adalah seramai 567,435 orang seluruh negara:
 - 37,528 OKU berdaftar dengan JKM di Sabah.
 13. Insentif PENJANA Kerjaya (*Hire Malaysia*) - Pengambilan Pekerja dalam kalangan golongan mudah terjejas termasuk OKU dan peserta Program Return to Work PERKESO

- Bayaran RM1,000 dibayar kepada majikan sekiranya mereka mengambil OKU bekerja dan menepati syarat-syarat permohonan yang ditetapkan.
14. Tidak dinafikan bahawa **peranan dan fungsi PDK amat penting** dalam menyediakan Pelatih kita untuk membangun dan boleh berdikari sebelum menyertai alam pendidikan dan pekerjaan.
 15. Saranan kepada ibu bapa, ahli keluarga, Ketua Masyarakat dan Ketua Kaum di luar sana – **kepentingan pendaftaran OKU** ke atas anak-anak, ahli keluarga dan ahli komuniti yang memerlukan supaya dapat menikmati keistimewaan-keistimewaan yang disediakan oleh Kerajaan kepada OKU berdaftar.
 16. Di samping inisiatif Kerajaan dalam menyediakan persekitaran mesra OKU - Saranan dan nasihat kepada ahli Keluarga dan Pelatih OKU:
 - OKU merupakan amanah daripada Allah SWT yang dipertanggungjawabkan kepada kita semua.
 - memastikan penjagaan, pendidikan, latihan, perkembangan fizikal dan emosi dan pembangunan mereka agar tidak ketinggalan dalam setiap agenda dan perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan.

PAWE

17. Sabah – 16 buah **PAWE** dengan peruntukan RM733, 290.
18. Fungsi PAWE:
 - Meluaskan kemudahan untuk kesejahteraan dan pembangunan warga emas
 - Menggalakkan penglibatan dan kerjasama pelbagai pihak dalam pembangunan warga emas.
 - Meningkatkan kualiti hidup warga emas selari dengan konsep warga emas aktif dan produktif.
19. Menggalakkan lebih banyak PAWE dan pusat aktiviti untuk warga emas sebegini **dibuka dengan sokongan ahli komuniti** untuk menyedia persekitaran yang aktif untuk warga emas dari aspek rohani dan fizikal - **contoh PAWE@Pondok**.
20. Di peringkat Persekutuan, terdapat **Mesyuarat Majlis Penasihat Dan Perundingan Warga Emas Negara**.
21. **Malaysia menuju ke arah Negara Tua menjelang tahun 2030** apabila populasi warga emas mencapai jumlah 15.0% daripada populasi penduduk (Unjuran Jabatan Perangkaan pada tahun 2030 terdapat 15.3% (5.8 juta) warga emas daripada 38.1 juta populasi).

22. Memperbanyak program **inter-generasi dengan golongan muda** untuk memupuk kesedaran golongan muda terhadap keperluan warga emas.
23. Di samping inisiatif Kerajaan dalam menyediakan persekitaran mesra warga emas - Saranan dan nasihat kepada ahli PAWE:
- Amalkan gaya hidup yang sihat – SOP COVID-19
 - Tingkatkan kepuasan rohani melalui agama yang dianuti. Ibadah dilihat mempunyai perkaitan yang rapat dengan rohani yang sejahtera.
 - Kerap lakukan aktiviti fizikal dan minda yang aktif.
24. Akhir kata, Warga Emas dan OKU – **Pentingnya sokongan sosial (sokongan ahli masyarakat/jiran tetangga)** dalam memastikan golongan yang memerlukan ini dapat meneruskan kehidupan dengan baik dari segi fizikal dan emosi.
25. Digalakkan pemimpin masyarakat, NGO dan ahli komuniti boleh memainkan peranan dalam **mengenal pasti isu dan keperluan OKU dan warga emas setempat.**

Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.
Terima kasih.